



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGARUH *ITALIAN NEOREALISM* DALAM KONSEP NARATIF  
DEEPA MEHTA**

**Chai Seong Hui**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2008**

**PENGARUH *ITALIAN NEOREALISM* DALAM KONSEP NARATIF  
DEEPA MEHTA**

CHAI SEONG HUI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2008

## PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA

Projek bertajuk **Pengaruh *Italian Neorealism* dalam Konsep Naratif Deepa Mehta** telah disediakan oleh **Chai Seong Hui** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Sinematografi**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....  
( Pn. Candida Jau Emang )  
Pensyarah  
Program Sinematografi  
Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

---

## PENGHARGAAN

Kajian Pengaruh *Italian Neorealism* Dalam Konsep Naratif Deepa Mehta ini merupakan satu kajian ilmiah dengan tujuan memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Gunaan dan Kreatif dengan Keahlian (Sinematografi). Diharap hasil kajian ilmiah ini akan dapat memanfaatkan sepenuhnya oleh mana-mana individu mahupun organisasi yang berkaitan.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada Puan Candida Jau Emang, selaku penyelia yang tidak jemu menumpukan perhatian beliau dalam memastikan kajian ilmiah ini terhasil dengan selengkapnya. Dalam proses melengkapkan kajian ilmiah ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain yang terdiri daripada Encik Abdul Riezal Dim, Cik Teo Miaw Lee dan Encik Fazmi Hisham di atas tunjuk ajak serta idea-idea bernas yang diberikan dalam proses melengkapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga ibu yang tercinta dan dikasihi, Lee Yin Hoong yang sering memberi dorongan, galakan dan bantuan sepanjang pembelajaran di universiti.

Terima kasih saya ingin tujukan kepada sahabat saya iaitu Khaw Yeong Shiang, Kesavan a/l Sugumaran serta rakan-rakan yang lain di dalam program Sinematografi yang banyak membantu ketika saya mengumpulkan maklumat dan membuat kajian filem.

Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada krew-krew serta pelakon yang terlibat dalam menjayakan penggambaran filem pendek *Days on the Streets* yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Akhir kata, setinggi penghargaan jutaan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini secara langsung atau pun tidak langsung. Jasa anda semua akan dikenang selamanya.

## KANDUNGAN

	Mukasurat
<b>BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN</b>	i
<b>PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	viii
<b><i>ABSTRACT</i></b>	ix
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian	
1.2.1 Objektif Umum	3
1.2.2 Objektif Khusus	4
1.3 Metodologi Kajian	
1.3.1 Kualitatif	4
1.3.2 Sampel Kajian	6
1.4.3 Coding (Kriteria Analisis)	6
1.4 Hipotesis	7

## **BAB 2 KAJIAN LEPAS**

2.0	Pengenalan	8
2.1	Neorealism	8
2.2	Ciri-ciri Italian Neorealism	
2.2.1	Pelakon	16
2.2.2.	Lokasi Penggambaran	18
2.2.3.	Tema	18
2.2.4.	Teknik	20
2.3	Deepa Mehta	22
2.4	Satyajit Ray	23

## **BAB 3 ANALISIS FILEM**

3.0	Pengenalan	27
3.1	<i>Pather Panchali</i>	27
3.2	<i>Fire</i>	31
3.3	<i>Water</i>	35

## **BAB 4 PERBINCANGAN PROJEK TESIS**

4.0	Sinopsis Filem Tesis <i>Days on the Streets</i>	40
4.1	Pra-produksi	
4.1.1	Skrip	42
4.1.2	Lokasi	43

4.1.3	Pelakon	44
4.2	Produksi	46
4.3	Pos-produksi	48
4.4	Rumusan Projek	49
4.5	Kesimpulan	49
<b>BIBLIOGRAFI</b>		51
<b>LAMPIRAN</b>		55



## ABSTRAK

*Italian Neorealism* merupakan satu aliran perfileman yang dimulakan di Itali di mana pengarah-pengarah filem dalam aliran ini menekankan aspek realisme sebagai tunjang naratif. Aliran ini telah diperkenalkan pada awal 1940-an berikutan kejatuhan pemerintahan *Fascist* di Itali. Nama-nama seperti Luchino Visconti, Roberto Rossellini dan Vittorio De Sica adalah antara pengarah filem yang sangat sinonim dengan aliran ini. Aliran perfileman ini seterusnya mendapat perhatian ramai pengarah dari seluruh dunia dan akhirnya berjaya mempengaruhi pengarah seperti Satyajit Ray dan Deepa Mehta dari India. Berdasarkan dapatan daripada kajian terhadap Italian Neorealism ini, maka sebuah filem pendek bertajuk *Days on the Streets* dihasilkan yang mengisahkan kehidupan seorang kanak-kanak terbiar yang menjadikan jalan sebagai tempat perlindungan dan punca rezeki.

## **ABSTRACT**

*Italian Neorealism is a film movement that started in Italy where the directors emphasize realism as their narrative subject. The film movement started in early 1940s after the fall of Fascism in Italy and had directors such as Luchino Visconti, Roberto Rossellini and Vittorio De Sica under the movement who's famous for their portrait of reality in their films. The movement eventually grew widely around the globe and had influenced directors such as Satyajit Ray and Deepa Mehta from India. In a short film entitled Days on the Streets, which depicts the life of a homeless kid, the application of narrative and criteria of Italian Neorealism has been applied based on the research.*

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN**

JUDUL: Pengaruh *Italian Neorealism* dalam Konsep Naratif Deepa Mehta

**SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008**

Saya **CHAI SEONG HUI**

Mengaku membenarkan tesis / laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penulis

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Tarikh :

Alamat tetap:  
23, Jalan Tingkat Ipoh 3  
Taman Ipoh,  
31400 Ipoh,  
Perak, Malaysia.

Catatan : \* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\* Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Latar Belakang Kajian

Sejak bermulanya visual bergerak ataupun filem yang telah diperkenalkan oleh adik-beradik Lumiere di Eropah dan Thomas Edison di Amerika, pelbagai jenis aliran filem telah muncul di serata dunia hasil pemikiran yang kritis oleh pembikin filem. Golongan ini melalui ideologi masing-masing telah mengubah cara penceritaan perfileman dunia awalan dan akhirnya membentuk aliran yang baru di negara mereka. Antara aliran perfileman yang telah mendapat perhatian oleh pakar teori filem dunia adalah *German Expressionism*, *Soviet Montage*, *French Impressionism*, *French New Wave* dan tidak ketinggalan *Italian Neorealism*.

Menurut *Dictionary.com*, *Neorealism* merupakan satu aliran seni dan sastera yang menekankan karya-karyanya untuk berbentuk lebih realistik. Kamus Oxford menjelaskan bahawa perkataan *neo-* tersebut bermaksud ‘baru’ dan *realism* itu adalah satu teori yang ‘menunjukkan sesuatu yang benar iaitu realiti’. Menurut Bordwell dan Thompson (1996) pula, tiada penjelasan khusus bagi terma ini dalam filem dan lebih merujuk kepada sekumpulan generasi baru yang ingin membebaskan diri daripada prinsip sinema Itali yang menghasilkan filem berkisahakan masyarakat kelas pertengahan.

*Italian Neorealism* mula diperkenalkan oleh sekumpulan pengkritik filem yang menulis untuk majalah *Cinema* seperti Michelangelo Antonioni, Luchino Visconti, Gianni Puccini, Giuseppe De Santis, dan Pietro Ingrao. Pengkritik ini dilarang menulis mengenai politik negara pada ketika itu (kerana ketua editor majalah tersebut adalah Vittorio Mussolini<sup>1</sup>) dan mereka telah mengambil alternatif dengan mengkritik filem Itali yang berbentuk *telefono bianco*<sup>2</sup> (*white telephone*) di mana pada masa itu telah mendominasi industri perfileman negara tersebut. Pengkritik ini berpendapat bahawa sinema Itali perlu bertukar ke bentuk yang lebih realistik daripada filem majoriti yang terdapat pada 1930an di Itali.

Golongan yang digelar *neorealist* ini kebanyakan mereka dipengaruhi dengan aliran *poetic realism* dari Perancis. Michelangelo Antonioni dan Luchino Visconti pernah bekerjasama dengan Jean Renoir yang merupakan salah seorang pengarah yang berpengaruh semasa aliran *poetic realism*. Luchino Visconti sendiri pernah menjadi penolong pengarah kepada Renoir dan beliau telah membawa pengaruh

---

<sup>1</sup> Vittorio Mussolini adalah anak kepada Benito Mussolini, seorang diktator negara tersebut yang mengasaskan rejim Fascist di mana beliau menetapkan undang-undang yang ketat dan propaganda negara yang kuat.

<sup>2</sup> Filem yang dihasilkan pada 1930-an yang cuba mengikut filem Amerika pada ketika itu. Banyak menggunakan set yang mahal seperti telefon putih (*white telephone*) yang melambangkan kemewahan. Filemnya menunjukkan keharmonian keluarga, kehormatan kepada kerajaan dan sosial masyarakat kelas pertengahan.

*realism* ini setelah kembali ke tanahairnya. Jean Renoir dan Alessandro Blasetti dikatakan adalah tokoh perfileman yang mempengaruhi kewujudan aliran ini di Itali.

## **1.1    Penyataan Masalah**

Kelahiran *Italian Neorealism* telah memberi peluang kepada pembikin filem di seluruh dunia untuk menunjukkan realiti kehidupan masyarakat negara mereka. Tema yang disampaikan dalam filem mereka telah menjadikan aliran perfileman ini sebagai salah satu aliran yang terpenting di dunia.

Subjek dan tema dalam filem Deepa Mehta sering menjadi tumpuan bagi penonton di dunia khususnya negara kelahirannya, India kerana memaparkan isu budaya masyarakat negaranya. Namun adakah filem Deepa Mehta mempunyai ciri-ciri *Italian Neorealism* yang memaparkan isu yang berkenaan dengan masyarakat dan budaya dalam filem mereka?

## **1.2    Objektif Kajian**

### **1.2.1   Objektif Umum**

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah perkembangan dan ciri-ciri bagi aliran *Italian Neorealism*. Melalui kajian ini, pengkaji dapat

mengetahui titik permulaan aliran ini serta perkembangannya dalam dunia perfileman. Selain itu, pengkaji dapat memahami ciri-ciri yang dapat membezakan aliran ini dengan aliran perfileman lain yang ada di dunia.

### **1.2.2 Objektif Khusus**

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada wujud persamaan dari segi naratif filem arahan Deepa Mehta dengan ciri-ciri naratif filem aliran *Italian Neorealism*. Melalui pemahaman yang lebih mendalam, pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat dalam filem beliau dan mengaitkan dengan ciri-ciri yang mungkin terdapat dalam *Neorealism*. Selain itu, pengkaji berharap dapat menunjukkan pengaruh *Italian Neorealism* dalam filem Deepa.

## **1.3 Metodologi Kajian**

### **1.3.1 Kualitatif**

Terdapat dua jenis kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian tesis iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian tesis ini, kaedah kualitatif iaitu analisa kandungan akan digunakan sebagai kaedah metodologi kajian. Pencarian maklumat bagi kaedah ini akan dilakukan melalui buku-buku rujukan filem dan seni yang

terdapat di perpustakaan UNIMAS iaitu *Centre for Academic Information Services* (CAIS), sumber-sumber elektronik dari internet serta tontonan filem yang terpilih.

Analisa kandungan merupakan teknik yang mengumpul dan menganalisis kandungan dalam sesebuah teks. Kandungan boleh berbentuk dalam perkataan, ayat, gambar, simbol ataupun idea. Holsti (1969) mendefinisikan analisa kandungan sebagai ‘memberi satu kesimpulan secara objektif dan sistematik dengan mengenal pasti secara spesifik kandungan sesuatu teks’. Selepas mengumpul maklumat satu skema kod akan digunakan di mana tema yang telah dikenal pasti akan disusun untuk dianalisis. Kajian tesis ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisa kandungan kerana bersesuaian dengan topik dan subjek yang dipilih. Ini adalah kerana maklumat mengenai topik yang dipilih mudah dan biasanya ditemui dalam surat khabar, majalah, jurnal, internet dan televisyen dan filem. Kaedah ini juga bersistematik di mana dapat mengecilkan skop maklumat yang banyak kepada sedikit dengan menggunakan skema kod dan dapat mengenalpasti maklumat yang dihendaki dalam kajian yang dilakukan.

Pengkaji berharap melalui kaedah analisa kandungan, maklumat dari sumber-sumber tersebut boleh membantu untuk mengkaji secara mendalam sejarah permulaan dan ciri-ciri aliran *Italian Neorealism*. Selain itu, melalui tontonan filem pengkaji berharap dapat membandingkan filem Deepa Mehta dengan filem yang digolong dalam aliran tersebut.



### **1.3.2 Sampel Kajian**

Sampel kajian yang akan dilakukan merupakan filem-filem yang diarahkan oleh Deepa Mehta. Dua buah filem beliau yang akan dikaji adalah *Fire* (1996) dan *Water* (2005) di mana skrip filem ini ditulis oleh beliau sendiri. Melalui dua buah filem ini, penulis dapat melihat dari segi naratif sama ada berkait rapat dengan tema atau subjek yang ditonjolkan dalam aliran *Neorealism*. Selain filem Deepa, pengkaji juga akan mengkaji filem Satyajit Ray khususnya *Pather Panchali* yang merupakan filem pertama beliau yang mempunyai pengaruh *Italian Neorealism*.

Pengkaji akan menganalisis ketiga-tiga sampel filem tersebut secara menyeluruh supaya dapat mengenali filem arahan Deepa Mehta dengan lebih mendalam. Melalui pemerhatian yang kritis ini, pengkaji berharap dapat mengenal pasti subjek dan tema yang cuba ditonjolkan dalam filem beliau adalah sama dengan Satyajit Ray yang merupakan salah satu tokoh perfileman India yang mengamalkan aliran *Neorealism*.

### **1.3.3 Coding (Kriteria Analisis)**

Kriteria utama yang akan dianalisa adalah konsep naratif dalam filem Deepa Mehta. Dalam konsep naratif, kajian akan dilakukan dengan menganalisa tema dan subjek yang cuba ditonjolkan dalam filem Deepa Mehta. Selain itu, pengkaji turut

akan menganalisa ciri-ciri *Italian Neorealism* yang terdapat dalam filem Satyajit dengan Deepa. Melalui pemerhatian filem Deepa, pengkaji akan dapat menyimpulkan sama ada filem arahan beliau mempunyai persamaan dengan tema filem yang dihasilkan dalam aliran *Neorealism* khususnya *Pather Panchali* oleh Satyajit Ray.

#### **1.4 Hipotesis**

Pengkaji berpendapat bahawa filem yang dihasilkan oleh Deepa Mehta mempunyai konsep naratif serta beberapa ciri-ciri *Italian Neorealism* dan boleh dikategorikan dalam aliran perfileman ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 Pengenalan**

Seperti yang dinyatakan dalam pengenalan, aliran *Neorealism* telah dikembangkan oleh beberapa tokoh perfileman setelah dipengaruhi *poetic realism* di Perancis. Mereka berpendapat filem yang dihasilkan pada tahun 1930-an tidak menunjukkan realiti kehidupan masyarakat negara tersebut dan mereka telah mengambil inisiatif dengan menghasilkan filem yang lebih berbentuk 'realiti'. Tema dan subjek yang ditonjolkan oleh aliran ini kelihatan sama dengan *Italian verismo*, iaitu penunjukan realiti masyarakatnya khususnya masyarakat yang hidup dalam kemiskinan yang sebelum ini tidak dibenarkan kerana berada dalam pemerintahan *Fascisme*.

#### **2.1 *Neorealism***

Menurut Tench (t.t) pada tahun 1876, Leopoldo Franchetti dan Sidney Sonnino (kedua-dua merupakan ahli politik Itali) telah menerbitkan satu esei bertajuk *Inchiesta in Sicilia* mengenai keadaan kehidupan primitif, kegiatan jenayah dan kesusahan ekonomi yang dialami oleh populasi di Sicily dengan pendedahan fakta yang kukuh dan sahih. Esei tersebut seterusnya membantu melahirkan aliran *Italian*

*Verismo* dalam bentuk fiksi yang mendokumentasikan realiti kehidupan seperti kemiskinan dan masyarakat yang terpinggir di negara tersebut.

Mengikut *Encyclopedia Britannica Online*, perkataan *verismo* bermaksud ‘realisme’ yang berasal daripada perkataan *vero* iaitu ‘kebenaran’. *Verismo* telah berlaku pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 dan lebih berbentuk dalam sastera, dengan dipengaruhi oleh aliran *French Naturalism*. Giovanni Verga dan Luigi Capuana yang merupakan penulis novel Sicily adalah tokoh utama yang menulis dan peneraju bagi aliran ini. Pengamal teori ini merupakan seseorang yang pesimitik, yakni mereka mendedahkan ‘kehodohan’ dan ‘keburukan’ masyarakat mereka. Mereka juga dilarang meletakkan sebarang pandangan individu dalam hasil mereka untuk menunjukkan kerealitian tersebut. Penulisan kedua-dua mereka dikatakan banyak mempengaruhi tema dan jalan cerita pengarah Italian Neorealism. Filem Luchino Visconti iaitu *La terra trema* dikatakan merupakan adaptasi daripada hasil penulisan Verga yang berjudul *I Malavoglia*.

Istilah ini lebih sinonim dengan opera Itali yang bermula pada 1890 dan telah berlaku sehingga awal abad ke-20. Stail bagi aliran ini terkenal dengan ‘kerealitian’ yang cuba ditonjolkan seperti kehidupan seharian masyarakat kelas bawahan. Selain digunakan dalam opera, istilah ini juga digunakan dalam muzik opera di mana menunjukkan tingkah laku dan emosi watak dalam persembahan opera tersebut.

Pengaruh ini akhirnya telah membawa masuk ke dalam sinema Itali yang dikenali sebagai *Italian Neorealism*.

Ruberto dan Wilson (2007) menjelaskan ketika dan selepas Perang Dunia Pertama, filem berbentuk dokumentari telah dibawa ke panggung di seluruh dunia untuk menunjukkan kesengsaraan rakyat akibat perang tersebut. Ini diikuti dengan filem yang mempunyai unsur sejarah seperti *The Birth of a Nation* (1915) oleh D.W. Griffith dan *Battleship Potemkin* (1925) oleh Sergei Einsentein yang kemudiannya memberi penonton suatu 'realiti' yang belum pernah ditonton oleh mereka. Oleh itu, bentuk filem pertama yang ditonton adalah berbentuk realiti yang menunjukkan isu sosial dunia, seterusnya menunjukkan bahawa kehidupan sebenar dan hiburan adalah saling berkait rapat antara satu sama lain.

Sebelum lahirnya istilah *neorealism*, pembikin filem di seluruh dunia telah membangkitkan suatu isu iaitu bagaimana untuk menunjukkan realiti kehidupan kepada penonton. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, industri perfileman negara Itali telah berubah sejajar dengan politik dan sosial negaranya. Penerbit dan pembikin filem mendapati mereka terbahagi kepada dua bahagian iaitu sama ada mengaut keuntungan atau tanggungjawab sosial kepada masyarakat yakni menghasilkan filem yang dapat menunjukkan kehidupan seharian rakyat mereka. Ini seterusnya menyebabkan pembikin filem Itali berfikir bagaimana untuk menghibur, mendidik

dan pada masa yang sama menunjukkan identiti negara mereka di dalam filem mereka.

Menurut Bondanella (2001) *neorealism* telah menyerap pelbagai unsur-unsur kreatif dari aliran perfileman lain seperti dari Perancis dan Rusia sebelum mula berkembang. Beliau menambah terma ini bukan muncul di sinema Itali dahulu, tetapi lebih kepada filem Perancis pada 1930-an dalam satu artikel yang ditulis oleh Umberto Barbaro pada 1943. Selepas kejatuhan rejim Fascisme, pengarah Itali yang telah lepas daripada segala tapisan mula bergiat aktif untuk menghasilkan filem yang bercirikan realisme yang mengandungi tema politik, sosial dan ekonomi yang sebelum ini dilarang sama sekali dalam pemerintahan Fascisme. Pengarah-pengarah seperti Roberto Rossellini (1906–1977), Vittorio De Sica (1902–1974), dan Luchino Visconti (1906–1976) telah menyambung aliran yang telah dimulakan ketika era Fascisme oleh pengarah seperti Alessandro Blasetti (1900–1987), Augusto Genina (1892–1957), dan Francesco De Robertis (1902–1959). Pengarah-pengarah ini telah diberi pujian atas kesungguhan mereka untuk mewujudkan suatu kerealitian dalam filem mereka dan menolak segala konvensi sinematik tradisional yang terdapat dalam filem komersial Rom dan juga Hollywood.

Piepergerdes (2007) berpendapat aliran Neorealism tidak dapat dipisahkan daripada Fascisme. Ini adalah kerana aliran ini terbentuk hasil daripada reaksi terhadap ideologi Fascisme yang akhirnya telah melahirkan karya-karya artistik dan

sosial nasionalisme Itali. Beliau menambah bahawa aliran ini telah mempunyai pengasas pada 1930-an iaitu semasa era Fascisme tetapi dalam bentuk yang berlainan. Realisme pada permulaannya lebih merujuk seni Itali khususnya dalam bidang sastera *verismo* yang merangkumi teater, catan, opera, dan juga sinema negara tersebut pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20. *Verismo* seperti yang telah dinyatakan pada permulaan merupakan suatu aliran yang telah diasaskan melalui penulisan Giovanni Verga, salah seorang penulis yang terkenal di Itali. Penulisan beliau kebanyakannya memberi penekanan terhadap kehidupan sebenar masyarakat, organisasi sosial dan identiti rakyat di selatan Itali. Apa yang penting adalah segala yang ditulis oleh beliau adalah berbentuk *naturalism*.

Mario Camerini dan Alessandro Blasetti, merupakan dua tokoh yang berpengaruh dalam aliran *neorealism* semasa pemerintahan Fascisme. Alessandro Blasetti sendiri dikatakan adalah pengasas bagi aliran ini. Kedua-dua mereka terkenal melalui penghasilan filem cara hidup bandar dan luar bandar yang kontemporari serta filem yang berbentuk sejarah di mana kerajaan Fascisme menggunakan filem mereka untuk memupuk semangat bersatu dan kebangsaan di kalangan rakyatnya. Filem Camerini seperti *The House of Pulcini* (1924) atau *Figaro and His Great Day* (1931) yang kebanyakannya berbentuk komedi menunjukkan kehidupan golongan bawahan dan pertengahan di bandar-bandar bahagian utara negara tersebut di mana polisi permodenan Fascisme telah menjejaskan struktur sosial dan geografi rakyat. Filem beliau telah meninggalkan impak yang besar dalam *neorealism* sehingga Lizzani

(1979) mengatakan beliau sebagai “*the great confessor of the Italian lower middle classes*”. Melalui kenyataan ini, beliau sememangnya telah berjaya menunjukkan realiti masyarakat melalui filemnya.

Berbeza dengan Camerini, filem Alessandro Blasetti lebih menekankan kehidupan di luar bandar. Menurut Bondanella (2001), “*Compared to Camerini, the impact of Blasetti on Neorealism has little to do with a nascent sociopolitical critique. Rather it is his ‘convincing sense of realism,’ his interest in ‘regional naturalism’ and tradition, and his ability to blend the historical drama and documentary in ways that remain sensitive to diverse connections to the past based on class and region that Neorealism borrows from so heavily*”. Kenyataan ini membuktikan Blasetti merupakan tokoh utama dan juga pengasas aliran *neorealism* memandangkan kebanyakan daripada pengarah aliran tersebut merujuk filem beliau sebagai contoh. Melalui hasil filem kedua-dua tokoh ini, mereka telah berjaya mengorak langkah dan seterusnya memberi idea kepada pembikin filem di negara tersebut untuk menghasilkan lebih banyak filem yang dapat dijadikan suatu identiti perfileman negara iaitu penunjukkan realiti dan kebenaran masyarakat negara Itali.

Ghiat (t.t) menerangkan bahawa para sarjana yang mengkaji budaya Itali mendapati penggunaan perkataan *neorealism* mula terdapat di dalam penulisan semasa di akhir pemerintahan Fascisme. Namun begitu, perkataan ini sebenarnya telah mula digunakan untuk merujuk penulis novel Rusia yang telah menulis